



PEKELILING SETIAUSAHA JAWATANKUASA PERANCANG
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
BILANGAN 3 TAHUN 2012

**PANDUAN PELAKSANAAN REKA BENTUK BANDAR SELAMAT
MELALUI *CRIME PREVENTION THROUGH ENVIRONMENTAL DESIGN*
(*CPTED*)**

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR

PEKELILING SETIAUSAHA JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
BILANGAN 3 TAHUN 2012

**PANDUAN PELAKSANAAN REKA BENTUK BANDAR SELAMAT MELALUI
*CRIME PREVENTION THROUGH ENVIRONMENTAL DESIGN (CPTED)***

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan berkenaan keputusan Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor mengenai Pelaksanaan Reka Bentuk Bandar Selamat Melalui *Crime Prevention Through Environmental Design (CPTED)* di Negeri Selangor.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP) **NKRA Mengurangkan Jenayah**, satu perjanjian di antara Kementerian Dalam Negeri (peneraju Makmal Mengurangkan Jenayah), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa telah dimeterai pada 19 November 2009 bagi **melaksanakan inisiatif NKRA 1.2 Program Bandar Selamat secara keseluruhan dan elemen CPTED dalam pelan susun atur bagi kawasan perumahan.**

2.2 Panduan Pelaksanaan Reka Bentuk Bandar Selamat atau *Crime Prevention Through Environmental Design (CPTED) Implementation Guide* disediakan selaras dengan **Langkah 2: Pelaksanaan Reka Bentuk Persekitaran Yang Selamat** di bawah **Strategi 1: Mereka Bentuk Persekitaran Fizikal, Program Bandar Selamat 2010.**

3.0 KANDUNGAN PEKELILING

3.1 Pekeliling ini mengandungi keputusan JPNS Bil. 1/2012 bertarikh 13 Februari 2012 yang mana Jawatankuasa **bersetuju** Panduan Pelaksanaan Reka Bentuk Bandar Selamat (*Crime Prevention Through Environmental Design - CPTED*) diterapkan di dalam penyediaan pelan susunatur baru dan penambahbaikan pembangunan sedia ada di Negeri Selangor.

3.2 Panduan Pelaksanaan Reka Bentuk Bandar Selamat (*Crime Prevention Through Environmental Design - CPTED*) adalah seperti di Lampiran.

4.0 PEMAKAIAN

Pekeliling ini hendaklah mendapat perhatian dan dilaksanakan oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Tanah / Daerah di Negeri Selangor.

5.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta.

(HJ. MOHD. ZAKI BIN IBRAHIM)

Pengarah

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor.

Merangkap

Setiausaha Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor

Mei 2012